

KEKELIRUAN JATI DIRI PUNCA BAHASA BERCAMPUR ADUK

(Identity Confusion as the Cause of Mixed Language)

Siti Rahimah Mustaffa
sitirahimah.upm@gmail.com

Raja Masittah Raja Ariffin
rajamassittah@yahoo.com

Normahdiah Sheikh Said
normah@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
43400 Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.
Tel.: +60177189901

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk meneliti keupayaan bahasa Melayu dalam komunikasi yang dikendalikan dalam laman sosial Facebook dan untuk meninjau implikasi bahasa Inggeris terhadap jati diri kaum Melayu. Sebanyak 70 orang responden Melayu telah dipilih untuk mendapatkan data melalui soalan soal selidik dalam talian. Jawapan soal selidik dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Inggeris semakin menyaingi bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana wujudnya kekeliruan jati diri dalam diri penutur. Akhir sekali, kajian ini penting untuk memberikan gambaran sebenar perihal penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu di Malaysia.

Kata kunci: percampuran kod, penukaran kod, jati diri, kaum Melayu, facebook

Abstract

Language plays an important role in describing personality and identity of a community, while the Malays are the native speakers of Malay Language. Therefore, the objectives of this study are to examine the Malay language used in social networking such as Facebook and to explore the impact of English on the identity of Malays. A total of 70 Malay respondents were selected, and data was collected through an online questionnaire. Then, the responses to the questionnaire were analyzed quantitatively and qualitatively. The results show that English is an increasingly strong influence on the Malay language. This is due to confusion in the self-identity of the speakers. Finally, this study is important to give the real picture of the state of the Malay language among Malays in Malaysia.

Keywords: code-mixing, code-switching, identity, ethnic Malays, Facebook

PENGENALAN

Fenomena percampuran bahasa asing ke dalam bahasa ibunda amat lumrah di Malaysia. Tambahan pula, kebanyakan rakyat Malaysia terdiri daripada golongan dwibahasa, maka situasi pencampuran kod ini lazim berlaku. Kedwibahasaan terjadi apabila individu mempelajari dan mengamalkan bahasa lain (bahasa kedua) setelah menguasai bahasa pertama. Lazimnya, bahasa pertama ialah bahasa ibunda atau bahasa natif seseorang penutur, manakala bahasa kedua pula ialah bahasa yang diperoleh di samping atau setelah bahasa ibundanya (A. Chaedar Alwasilah, 1993:36).

Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda merupakan bahasa pertama orang Melayu, sementara bahasa keduanya ialah bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Melayu hari ini seringkali diselang seli dan diselitkan dengan bahasa Inggeris. Akhirnya, lahirlah bahasa Melayu kacukan, yakni bahasa Inggeris bukan bahasa Melayu pun bukan. Kesannya, pengguna Melayu dilihat seolah-olah mengalami kekeliruan jati diri. Perumpamaan “sekerat ular sekerat belut” yang telah diberikan oleh Datuk Seri Dr. Rais Yatim adalah amat tepat sekali dalam menggambarkan fenomena percampuran bahasa seperti ini.

Kini, fenomena ini diburukkan lagi dengan kewujudan pelbagai aplikasi komunikasi dan laman sosial seperti Facebook. Kecanggihan teknologi komunikasi seperti ini membolehkan berlakunya komunikasi dan perhubungan antara manusia berbilang bangsa, kaum, agama, dan negara tanpa sempadan. Oleh sebab komunikasi tersebut berlangsung dalam bentuk tulisan, maka penggunaan bahasa tulisan jelas memaparkan hakikat dan realiti gejala linguistik yang sedang berlaku dalam kalangan komuniti penutur terbabit.

Percampuran bahasa merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan perbuatan yang mencampuradukkan lebih daripada satu bahasa. Oleh itu, percampuran bahasa, percampuran kod, penukaran kod, perubahan kod, dan perpindahan kod merupakan istilah yang sering digunakan oleh para sarjana bahasa apabila berbicara mengenai perihal penggunaan bahasa yang bercampur aduk. Daripada definisi tersebut dapat dirumuskan bahawa percampuran kod merujuk penggiliran antara klausa dan ayat, manakala penukaran kod lebih mengutamakan penggiliran bahasa dalam satu ayat.

Percampuran kod menurut Bokamba (1988:24) bermaksud penggunaan berbagai-bagai unit linguistik, seperti imbuhan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat dan memerlukan minimum dua bahasa yang peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat. Penukaran kod pula ialah penggunaan berbagai-bagai unit perkataan, frasa, dan ayat daripada dua kod dalam ujaran perbualan yang sama dan melanggar sempadan ayat (Bokamba, 1988:24). Namun demikian, ayat yang bercampur kod lazimnya terbentuk daripada campur aduk dua dialek atau dua bahasa dalam satu ayat. Percampuran kod dan penukaran kod ialah dua perkara biasa dan fenomena semula jadi yang terjadi dalam kalangan penutur bilingual dan multilingual. Menurut Bokamba (1988:51), binaan ayat yang mengandungi percampuran kod memerlukan sekurang-kurangnya enam peringkat psikolinguistik, iaitu:

- a. menentukan struktur dalaman bahasa perumah (*host language*);
- b. memilih dan menyisipkan elemen leksikal yang berpadanan;
- c. menggunakan peraturan fonologi dan morfologi, jika ada;
- d. membandingkan sintaksis bahasa pertama dan bahasa kedua untuk menentukan persamaan bentuk dan dasarnya;

- e. menggunakan dan menyesuaikan peraturan sintaksis yang relevan;
- f. menggunakan peraturan transformasi bahasa pertama dan bahasa tamu (*guest language*) apabila klausa berpadanan.

Peringkat tersebut bermaksud bahawa percampuran kod melibatkan sekurang-kurangnya dua bahasa atau dialek yang digunakan dalam satu masa yang sama, iaitu B1 (bahasa perumah) dan B2 (bahasa tamu).

Menurut Noor Aina Dani, (1999:196), percampuran kod terjadi apabila si penutur menggunakan dua mod bahasa dalam satu perbualan. Mod yang pertama digunakan sewaktu bertutur dalam satu bahasa, manakala mod yang kedua digunakan dalam perbualan yang memerlukan lebih daripada satu kod bahasa. Maknanya, terdapat dua kod linguistik dalam satu perbualan, dan penutur mengandaikan bahawa kedua-dua kod tersebut boleh difahami oleh pendengar. Seterusnya, gejala percampuran kod boleh ditentukan dengan meneliti hubungan antara B1 (Bahasa 1) dan B2 (Bahasa 2) dalam ayat. B1 dan B2 masing-masing mewakili bahasa utama (matriks) dan bahasa sampingan (sematan, sisipan) yang wujud dalam ayat.

Noor Aina Dani (1999) membandingkan dapatan kajiannya dengan model Woolford (1983) dan model Bokamba (1988). Woolford (1983) berpendapat bahawa percampuran kod melibatkan B1 sebagai wacana utama, manakala B2 sebagai sisipannya. Maksudnya, B2 dikatakan menyesuaikan strukturnya dengan tatabahasa B1. Namun begitu, dapatan kajian Noor Aina Dani, (1999:203) mendapati bahawa perbualan individu yang melakukan percampuran kod menampilkan B2 sebagai wacana utama, manakala B1 sebagai sisipan (Noor Aina Dani, 1999:203). Oleh itu, beliau berpendapat bahawa pemilihan B1 dan B2 bergantung pada konteks situasi dan peserta yang terlibat dalam perbualan. Hal ini bermaksud, keperluan memilih bahasa didasari oleh fungsi tertentu. Enam fungsi yang dikenal pasti ialah fungsi rujukan, arahan, pernyataan, keakraban, metalinguistik, dan puitis. Keenam-enam fungsi tersebut didapati mempengaruhi cara manusia berinteraksi.

Hoffman (1991:110) pula mendefinisikan percampuran kod sebagai penukaran yang berlaku dalam ayat yang lazimnya berlaku dalam pertuturan tidak formal dalam kalangan rakan biasa dan yang berkongsi latar belakang pendidikan, etnik dan sosioekonomi. Beliau mengemukakan tujuh faktor terjadinya percampuran kod, iaitu:

- a. bercakap mengenai sesuatu topik yang tertentu kerana sebab-sebab yang tertentu;
- b. memetik kata-kata yang dituturkan atau ditulis oleh individu yang menuturkan bahasa asing;
- c. penegasan (*emphatic*) mengenai sesuatu agar penerangan yang disampaikan akan lebih difahami oleh si pendengar;
- d. berfungsi sebagai kata seru, kata penghubung atau pengisian ayat;
- e. pengulangan yang dilakukan berulang kali dengan menggunakan lebih daripada satu bahasa agar si pendengar faham dengan penerangan yang sedang disampaikan oleh penutur;
- f. bertujuan untuk menerangkan isi ucapan interlocutor, iaitu untuk membolehkan kelancaran ucapan dan pemahaman antara kedua-dua pihak;
- g. mengetengahkan identiti sesebuah kumpulan, iaitu untuk membezakan antara sesebuah kumpulan atau etnik dengan kumpulan atau etnik lain.

Berdasarkan faktor tersebut, jelas bahawa terdapat banyak faktor yang mendorong kepada berlakunya gejala percampuran dan penukaran kod. Sehubungan itu, Radolfo Jacobson (1995:388) membandingkan data amalan penukaran kod dengan jati diri dua etnik, iaitu etnik Mexico-Amerika dan etnik Melayu di Malaysia. Berdasarkan kajian tersebut, beliau mengenal pasti dua mesej penting yang cuba disampaikan oleh penutur kedua-dua etnik. Mesej yang pertama ialah penukaran kod daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Sepanyol atau sebaliknya bertujuan untuk menonjolkan identiti etnik mereka (etnik Mexico-Amerika), sekali gus membezakan mereka dengan orang Anglo-Amerika biasa. Sebaliknya mesej kedua ialah; penukaran kod yang lahir daripada etnik Melayu adalah tidak wajar sama sekali kerana orang Melayu tidak perlu menegaskan etniknya dan tidak perlu juga hendak menunjukkan hubungannya dengan nenek moyang yang terdahulu.

Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda etnik Melayu yang sememangnya dituturkan di semenanjung Malaysia sejak zaman-berzaman, manakala etnik Mexico-Amerika merupakan etnik luar yang berhijrah ke Amerika. Maka, sebagai usaha untuk mengekalkan

jati diri mereka sebagai orang Mexico, penukaran kod merupakan perbuatan yang sengaja dilakukan untuk menonjolkan jati diri mereka. Oleh yang demikian, identifikasi etnik merupakan dorongan yang kuat bagi orang Mexico-Amerika di Amerika Syarikat mencampurkan bahasanya, sedangkan etnik Melayu tidak mempunyai alasan untuk mencampurkan bahasa ibundanya dengan bahasa asing.

Teo Kok Seong (2009:100) mengelaskan kehilangan bahasa kepada dua tahap, iaitu tahap individu dan tahap masyarakat. Namun, berdasarkan kajian mengenai fenomena bahasa di Malaysia, beliau mendapati bahawa keseriusan gejala ini tidak hanya berlaku pada tahap individu lagi, bahkan sudah menular hingga pada tahap masyarakat. Hal ini demikian kerana purata masyarakat Malaysia tidak lagi fasih menggunakan bahasa ibunda baik secara lisan mahupun tulisan. Tegasnya, gejala percampuran bahasa atau bahasa rojak dalam kalangan masyarakat merupakan satu kes kehilangan bahasa.

Hal ini demikian kerana penggunaan bentuk dan penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris sama ada pada peringkat perkataan, frasa, ayat, atau wacana merupakan gejala linguistik bahasa Melayu yang rancu (Teo Kok Seong, 2006:700). Menurut beliau lagi, gejala campur aduk ini wujud dalam sekurang-kurangnya empat bentuk.

Bentuk pertama ialah “penukaran kod tempelan”, iaitu campur aduk bahasa Melayu-Inggeris walaupun hanya melibatkan penggunaan sepatah perkataan bahasa Inggeris dalam ungkapan yang hampir keseluruhannya diucapkan dalam bahasa Melayu. Beliau menegaskan bahawa walaupun hanya sepatah perkataan bahasa Inggeris yang diselitkan dalam ayat bahasa Melayu, maka ayat tersebut telah menggunakan dua bahasa. Contohnya dalam ayat “Ok, kita teruskan majlis penyampaian hadiah ini”. Jika dibaca secara sepintas lalu, ayat tersebut tidak nampak salahnya bahkan kelihatan hampir tepat kerana frasa kerja yang digunakan menepati bahasa Melayu standard. Namun demikian, kehadiran kata “Ok” pada awal ayat telah mencatatkan keseluruhan ayat lantaran wujudnya perkataan asing dalam ayat.

Bentuk kedua dikenali sebagai “penukaran kod dalam ayat”. Bentuk ini berlaku apabila terjadinya penggiliran bahasa daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain dalam satu ayat. Contohnya dalam ayat, “Para hadirin diminta *switch off* telefon bimbit”. Ayat tersebut mengandungi dua frasa, iaitu “para hadirin” (subjek) dan “diminta *switch off* telefon

bimbit” (predikat). Berdasarkan contoh yang diberi, frasa sebelum *switch off* merupakan bahasa Melayu standard, manakala kata yang mengikuti *switch off* juga terdiri daripada kata nama yang dieja dalam bahasa Melayu. Ayat tersebut memperlihatkan penggiliran dua bahasa, iaitu “para hadirin diminta” (bahasa Melayu); *switch off* (bahasa Inggeris); dan telefon bimbit (bahasa Melayu). Oleh yang demikian, ayat tersebut memperlihatkan ciri penukaran kod.

Bentuk ketiga pula dikenali sebagai “penukaran kod di antara ayat”, yakni penukaran daripada satu bahasa kepada satu bahasa lain di antara ayat. Contohnya, “Ini adalah kali pertama saya berada di sini. *Therefore I am not familiar with the people.*” Berdasarkan contoh tersebut, ayat bahasa Melayu terdiri daripada “Ini adalah kali pertama saya berada di sini” telah diikuti oleh ayat bahasa Inggeris “*Therefore I am not familiar with the people*”. Oleh yang demikian, penukaran bahasa dalam ayat juga dianggap mengalami penukaran kod.

Bentuk yang terakhir ialah “penukaran kod dalam perkataan”. Bentuk ini memperlihatkan penggunaan bahasa lain dalam sesuatu bahasa. Contohnya, penggunaan bahasa Inggeris dalam pembentukan perkataan bahasa Melayu seperti “*forwardkan*”, “*terdelete*” dan “*berblouse*”. Dalam contoh tersebut, walaupun perkataan “kan”, “ter” dan “ber” merupakan partikel bahasa Melayu, namun perkataan tersebut tetap mengandungi ciri morfologi bahasa Melayu yang jelas sekali menyalahi hukum bahasa andai pembentukannya dicampurkan dengan morfologi bahasa lain. Walaupun kedengaran agak pelik, namun pengasimiliasian antara dua struktur bahasa sebegini sering berlaku dalam konteks penggunaan bahasa Melayu.

Orang Melayu merupakan penutur natif bahasa Melayu, namun pengaruh bahasa Inggeris seringkali mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi sehari-hari mereka. Oleh yang demikian, amalan menyelitkan bahasa Inggeris ke dalam perbualan yang berlangsung dalam bahasa Melayu sering berlaku dalam komunikasi lisan mahupun tulisan. Namun, berbanding dengan komunikasi lisan, komunikasi yang dizahirkan dalam bentuk tulisan memerlukan penelitian yang lebih serius kerana perkataan dalam tulisan boleh dilihat, diteliti dan dinilai bentuk dan kandungannya. Tambahan pula, bahasa yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari melambangkan hakikat sebenar penggunaan bahasa sesebuah bangsa yang seterusnya menjadi cerminan kepada budaya dan jati diri bangsa tersebut.

Hakikat ini merupakan alasan kukuh yang mendorong kepada pentingnya kajian bahasa dalam laman sosial kerana laman sosial mewakili fenomena penggunaan bahasa yang sebenar. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk meneliti keupayaan bahasa Melayu dalam komunikasi yang dikendalikan dalam laman sosial Facebook dan meninjau implikasi bahasa Inggeris terhadap jati diri kaum Melayu. Kajian ini hanya melibatkan pengguna Facebook yang berumur 16 tahun dan ke atas yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Seterusnya, aspek yang difokuskan dalam kajian ini ialah sikap dan pandangan pengguna bahasa Melayu terhadap gejala percampuran bahasa.

METODOLOGI

Responden kajian terdiri daripada 70 orang responden Melayu yang dipilih daripada pelbagai latar belakang. Maklumat penyelidikan diperoleh daripada butir dan maklumat yang dikemukakan oleh responden dalam soalan soal selidik. Sebanyak 70 set soalan soal selidik telah diberikan kepada para responden secara dalam talian. Setiap set soalan mengandungi 25 soalan yang terdiri daripada empat bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Data yang diperoleh melalui soalan soal selidik kemudiannya dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif.

Kaedah kuantitatif dilakukan melalui penganalisan data dengan menggunakan skala Likert yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran kasar posisi individu dalam kelompoknya. Data yang diperoleh daripada responden diukur dengan menggunakan skala Likert 1=sangat setuju, 2=setuju, 3=separa setuju, 4=tidak setuju, dan 5= sangat tidak setuju. Seterusnya, kaedah kualitatif bertujuan untuk menghuraikan dapatan kajian. Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini, termasuklah umur, jantina, tahap pendidikan tertinggi, status, dan tempat tinggal.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keupayaan Bahasa Melayu dalam Komunikasi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan bahasa Melayu untuk mengemas kini status Facebook mereka. Sebilangan

Jadual 1 Taburan latar belakang responden.

Bil.	Faktor Demografi	Latar Belakang	Bilangan (n)=70	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki Perempuan	21 49	30 70
2.	Umur	16-20 21-25 26-30 30 dan ke atas	3 57 9 1	4.3 81.4 12.9 1.4
3.	Tahap pendidikan tertinggi	Pendidikan rendah SPM/STPM Diploma Matrikulasi Ijazah Lain-lain	1 11 11 3 43 1	1.43 15.7 15.7 4.3 61.43 1.43
4.	Status	Bekerja Belajar Lain-lain	22 45 3	31.4 64.3 4.3
5.	Tempat tinggal sekarang	Bandar Luar bandar Pekan Pedalaman	39 25 6 0	55.7 35.7 8.6 0

Jadual 2 Taburan bahasa yang sering digunakan untuk mengemas kini status Facebook.

Bahasa yang Digunakan	Bilangan (n)=70	Peratus (%)
Bahasa Melayu	42	60
Bahasa Inggeris	12	17
Kedua-duanya	16	23

kecil responden menggunakan bahasa Inggeris, dan sebahagian lagi menggunakan kedua-dua bahasa. Golongan tersebut merupakan golongan dwibahasa yang cenderung mencampurkan kedua-dua bahasa tersebut.

Berdasarkan data yang diperoleh, jelas bahawa walaupun semua responden terdiri daripada bangsa Melayu yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa natif, namun terdapat juga sebilangan pengguna Melayu yang memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dalam laman sosial. Sedikit sebanyak pengaruh bahasa Inggeris dilihat telah mengatasi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat responden yang menggunakan kedua-dua bahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) untuk mengemas kini status dalam Facebook mereka. Golongan yang menggunakan kedua-dua bahasa ini merupakan golongan yang cenderung melakukan percampuran bahasa. Hal ini demikian kerana apabila seseorang individu gemar menggunakan dua bahasa, kebarangkalian untuk menukarkan bahasa adalah tinggi. Lalu, mereka gemar menyelang-nyelikan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Walaupun kepelbagaian variasi dan ragam bahasa ini wujud ekoran berbezanya tahap pendidikan dan cara hidup setiap responden, namun sebagai penutur natif bahasa Melayu, sikap meminggirkan dan menduakan bahasa ibunda sendiri merupakan sikap yang tidak wajar dilakukan, sementelah bahasa Melayu kini berkemampuan mengungkapkan istilah.

Hasil maklum balas responden terhadap amalan percampuran bahasa menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil daripada responden yang tidak mencampurkan bahasa dalam Facebook. Majoriti responden mengaku mencampurkan bahasa, namun sebilangan besar daripada mereka mencampurkan bahasa bergantung pada keadaan dan situasi. Responden tersebut memilih untuk melakukan percampuran bahasa mengikut situasi dan keadaan semasa. Hakikat ini membuktikan bahawa percampuran antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bukanlah perkara yang janggal dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

Sungguhpun begitu, Teo Kok Seong (1996:43) berpendapat bahawa gejala percampuran kod masih lagi berada pada tahap yang normal di Malaysia lantaran masih terdapat negara lain yang menjadikan percampuran kod sebagai satu budaya penting. Meskipun begitu, amalan percampuran bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam kalangan pengguna bahasa Melayu memperlihatkan satu fenomena penggunaan bahasa yang semakin membimbangkan.

Jadual 3 Taburan percampuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam komunikasi Facebook.

Penggunaan Percampuran Bahasa	Bilangan (n)=70	Peratus (%)
Ya	18	26
Tidak	10	14

Jadual 4 Taburan penggunaan bahasa Inggeris sebagai amalan dan komunikasi harian.

Penggunaan Bahasa Inggeris	Bilangan (n)=70	Peratus (%)
Ya	23	33
Tidak	47	67

Jadual 5 Kewajaran penggunaan percampuran bahasa Melayu dengan Inggeris dalam Facebook.

Pendapat	Bilangan (n)=70	Peratus (%)
Sangat bersetuju	6	9
Bersetuju	11	16
Separa bersetuju	35	50
Tidak bersetuju	8	11
Sangat tidak bersetuju	10	14

Berdasarkan data yang diperoleh, didapati satu pertiga daripada jumlah keseluruhan responden menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian mereka, manakala selebihnya tidak mengamalkannya. Hal ini terjadi kerana setiap responden mempunyai latar belakang keluarga yang berlainan dan tahap pendidikan masing-masing juga turut berbeza. Maka, dapat dianggarkan bahawa golongan yang menuturkan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian mereka datangnya daripada keluarga berpendidikan tinggi yang mempraktikkan penggunaan bahasa kedua dalam kehidupan harian. Bagi golongan yang tidak berasal daripada keluarga yang berpendidikan tinggi, faktor ketinggian tahap pendidikan golongan itu telah menjadikan mereka biasa dengan penggunaan bahasa Inggeris, namun mereka hanya menuturkan bahasa Inggeris apabila berbual dengan individu yang tertentu sahaja.

Faktor yang mempengaruhi seseorang bertutur dalam bahasa Inggeris bukanlah masalah utama dalam persoalan bahasa bercampur aduk ini kerana hak untuk bertutur merupakan hak linguistik masing-masing. Sama ada mahu menuturkan bahasa ibunda atau bahasa kedua, terpulang kepada penutur itu sendiri asalkan bahasa yang dituturkan tidak menimbulkan ketidakselesaan kepada orang lain. Namun begitu, sebagai penutur yang bermaruah, kepentingan dan fungsi bahasa ibunda perlu diambil kira dalam berkomunikasi agar pengguna bahasa Melayu tidak diibaratkan seperti “menyusukan anak kera di hutan, anak sendiri mati kelaparan”.

Berdasarkan Jadual 5, majoriti responden memilih separa setuju sebagai jawapan kepada kewajaran percampuran kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam Facebook. Berdasarkan kuantiti jawapan separa yang diterima, dapatan kajian ini mendapati bahawa banyak responden yang masih tidak pasti akan kewajaran percampuran bahasa dalam Facebook. Hal ini kerana istilah “separa” membawa maksud sebahagian sahaja atau tidak sepenuhnya (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010:1459). Maka, mereka memilih untuk meneutralkan pendirian mereka, iaitu tidak memberikan jawapan yang pasti.

Dapat dirumuskan bahawa terdapat keseimbangan antara jumlah responden yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan amalan percampuran bahasa, malah ramai responden masih ragu-ragu dan tidak jelas dengan pendirian masing-masing. Hal ini demikian kerana purata pengguna bahasa menganggap bahawa bahasa bukanlah isu utama dalam menyampaikan sesuatu maksud. Mereka beranggapan bahawa tidak kira dengan cara

apa sekalipun mesej disampaikan, perkara yang dititikberatkan hanyalah maklumat yang ingin disampaikan difahami oleh audiens atau pembaca.

Berdasarkan jawapan daripada soalan soal selidik yang diberikan oleh responden yang bersetuju dengan amalan percampuran bahasa, beberapa faktor yang mempengaruhi amalan percampuran bahasa telah dikenal pasti (lihat lampiran A dan lampiran B). Faktor tersebut dikelaskan seperti yang berikut:

Kelaziman dalam Pertuturan Sehari-hari

Oleh sebab bahasa Inggeris sering digunakan sebagai bahasa perhubungan dalam sektor pendidikan, sektor awam, dan sektor swasta khususnya, wujud satu hakikat yang konkrit dalam kalangan anggota masyarakat Melayu bahawa percampuran bahasa merupakan “perkara biasa”. Hal ini jelas menggambarkan bahawa apa sahaja yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam komunikasi sudah menjadi lumrah dalam kehidupan mereka. Perkara ini tidak dianggap sebagai suatu kesalahan.

Tambahan pula, percampuran bahasa berlaku dalam kalangan penutur yang boleh menguasai lebih daripada satu bahasa. Maka, sudah pasti gejala kekacauan dan penukaran kod dianggap “biasa” oleh golongan penutur multilingual (Asmah, 1982:123). Namun, suatu kenyataan yang amat menyedihkan apabila responden memberikan alasan “tiada sebab, saja-saja, dan tidak menjadi kesalahan” (lihat Lampiran A) sebagai faktor mereka mencampurkan bahasa. Alasan tersebut seolah-olah menggambarkan peranan bahasa Melayu tidak lebih daripada sekadar alat komunikasi semata-mata. Keadaan ini berlaku dalam semua bentuk penukaran kod seperti penukaran kod tempelan; penukaran kod dalam ayat; penukaran kod antara ayat; dan penukaran kod dalam perkataan

Antara contoh kod bahasa Inggeris yang sering terselit dalam bahasa Melayu ialah seperti, “terima kasih saya ucapkan kepada keluarga and sahabat”, “jalan-jalan cari makan *with* adik”, “so, ini semua takdir”, dan seumpamanya. Begitu juga dengan perkataan seperti *congratulations*, *cake*, *chocolate*, *drive*, *wife*, *husband*, *family*, *party*, dan *please*, yang dilihat sudah sehati dalam diri orang Melayu, malah digunakan secara meluas dan spontan dalam komunikasi harian seolah-olah perkataan tersebut bukanlah bahasa asing. Bagi sesetengah perkataan seperti *congratulations* (tahniah), *cake* (kek), dan *chocolate* (coklat), dari segi ekonomi bahasa

istilah tersebut lebih panjang daripada perkataan dalam bahasa Melayu, namun faktor kebiasaan telah mengatasi faktor kependekan bahasa yang dikatakan menjadi salah satu faktor penggunaan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu.

Selain itu, ada yang beranggapan bahawa menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu dalam perbualan dianggap sebagai suatu perbuatan yang skema (sangat teratur bagi orang biasa). Maka, mereka sudah biasa menggunakan perkataan *driver* berbanding pemandu, *cleaner* berbanding tukang bersih, *download* berbanding muat turun, *upload* berbanding muat naik, *hard disk* berbanding cakera keras, dan *food court* berbanding medan selera. Kalau ada yang menggunakan istilah bahasa Melayu standard, golongan tersebut dianggap skema malah mungkin akan dipersendakan. Keadaan ini berlaku dalam kalangan penutur natif bahasa Melayu kini.

Faktor Ekonomi Bahasa

Selain sudah menjadi kebiasaan, faktor ekonomi bahasa menjadi faktor yang paling dominan dalam kalangan pengguna bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan istilah atau perkataan dalam bahasa Melayu terdiri daripada kosa kata yang panjang jika dibandingkan dengan kosa kata dalam bahasa Inggeris yang lebih ringkas dan pendek. Kesannya, pengguna bahasa Melayu lebih cenderung menukarkan perkataan yang lebih ringkas dan tepat maksudnya dalam perbualan.

Seringkali perkataan atau istilah bahasa Inggeris yang ringkas dan pendek diselitkan dalam bahasa Melayu. Contohnya, perkataan *so* yang lebih mudah disebut dan ditulis berbanding dengan perkataan “jadi” yang terdiri daripada dua fonem yakni “ja” dan “di”, begitu juga dengan perkataan *love* (cinta), *update* (mengemas kini), *food court* (medan selera), *how* (bagaimana), *airport* (lapangan terbang), *bus stop* (perhentian bas), *stop* (berhenti) dan banyak lagi. Perkataan tersebut ekonomis dari segi bahasanya, maka tidak hairanlah perkataan tersebut menjadi kebiasaan dalam komunikasi harian. Oleh yang demikian, sifat ekonomis morfologi bahasa Inggeris menjadi alasan berlakunya percampuran bahasa dalam wacana yang dikendalikan dalam bahasa Melayu.

Faktor Menunjuk-nunjuk

Faktor negatif yang sering diperlihatkan oleh masyarakat Melayu melalui gejala percampuran bahasa ialah niat menunjuk-nunjuk kebolehan menguasai lebih daripada satu bahasa. Perbuatan ini terjadi secara sedar, bahkan disengajakan demi mendapatkan perhatian. Asmah Haji Omar (2000: 83) berpendapat bahawa gejala ini bukanlah satu teknik atau kaedah untuk mencapai tujuan tertentu dalam perbincangan melainkan hanya untuk “menghias” peribadi penutur atau penulis berkenaan. Beliau berpendapat bahawa orang yang menggunakan percampuran bahasa dengan cara negatif seperti ini ialah orang yang menghina bahasa pengantar, khususnya bahasa kebangsaan dan perbuatan ini dianggap tidak sopan.

Perbuatan tersebut dianggap tidak sopan kerana mereka dengan sengaja melakukan percampuran bahasa asing (B2) dalam bahasa ibunda (B1). Bentuk penukaran kod yang sering terjadi dalam faktor ini ialah penukaran kod tempelan dan penukaran kod antara ayat. Penukaran kod tempelan memperlihatkan kehadiran istilah bahasa Inggeris yang ringkas seperti *well, well you know, of course, by the way*, dan juga kata ganti nama seperti *I, You, You all*, dan *We all*. Hal ini terjadi kerana sesetengah daripada individu tersebut kurang mahir berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, namun demi menarik perhatian orang lain, mereka menggunakan beberapa patah perkataan bahasa Inggeris dalam perbualan. Penukaran kod antara ayat pula seringkali dilakukan oleh golongan yang berpelajaran tinggi dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Jadi, tidak hairanlah golongan tersebut boleh menuturkan bahasa Inggeris di dalam satu klausa yang lengkap seperti; “Tiada sesiapa di rumah, *that why I am hungry and bore*”. Tujuannya adalah untuk menonjolkan status dan kemahiran multilingualnya.

Terdapat individu yang percaya bahawa dengan menggunakan bahasa yang berstatus tinggi seperti bahasa Inggeris, status dan pandangan masyarakat terhadap mereka turut akan berubah. Golongan tersebut percaya bahawa perbuatan menyelitkan perkataan bahasa Inggeris ketika berbual dan berkomunikasi dalam bahasa Melayu dapat menaikkan taraf sosial mereka. Kesannya, golongan tersebut amat berbangga menggunakan bahasa Inggeris sehinggakan percampuran bahasa seperti ini menjadi strategi komunikasi untuk meninggikan status seseorang individu.

Nilai Makna

Faktor nilai makna terjadi apabila wujudnya kesukaran menemukan perkataan yang tepat untuk mengungkapkan buah fikiran. Hal ini terjadi apabila seseorang individu sudah terbiasa dengan penggunaan istilah khusus dalam bidang tertentu. Maka, kekurangan pengetahuan atau tidak tahu sesetengah perkataan dalam bahasa yang sedang dituturkan menyebabkan berlakunya pemilihan bahasa lain sebagai alternatif untuk menyebut perkataan yang tidak diketahui dalam bahasa yang sedang dituturkan itu (Appel & Muysken, 1990:172). Maka, wujudlah B1 dan B2 dalam satu ayat.

Semasa sedang menggunakan B1, individu tersebut tiba-tiba menyelitkan B2, dan kemudian kembali menggunakan B1, dan begitulah seterusnya. Hal ini bermakna B2 hanya digunakan sebagai kod untuk mengungkapkan makna yang tidak diketahui dalam B1. Contohnya, “mula-mula *creates* satu fail, kemudian *drag* fail anda ke dalam *main folder*, di situlah fail anda berada”. Contoh tersebut memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai B1, namun oleh sebab individu tersebut tidak menemukan perkataan bahasa Melayu yang tepat untuk menggambarkan makna yang ingin disampaikan, maka istilah bahasa Inggeris (B2) *create*, *drag* dan *main folder* telah diselitkan dalam B1. Penggunaan B2 bertujuan untuk mendapatkan keberkesanan mesej yang cuba disampaikan, di samping dapat mencerminkan pengetahuan individu tersebut terhadap perkara yang dibualkan.

Hakikatnya, tanpa mengetahui padanan istilah yang berkenaan dalam bahasa Melayu, mereka menganggap bahawa istilah yang diungkapkan dalam bahasa Melayu kurang tepat dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan. Jadi, mereka memilih perkataan daripada bahasa lain demi memberi kesan yang lebih tepat dan bermakna kepada pendengar atau pembaca. Dengan ayat lain, mereka secara sedar menukar perkataan atau istilah yang ingin disampaikan kepada bahasa yang dipercayai ketepatannya. Lazimnya, bahasa yang dimaksudkan itu ialah bahasa Inggeris.

Penggantian Warna Emosi

Warna emosi turut memainkan peranan penting dalam penggunaan bahasa. Pada kebiasaannya, penggantian emosi seperti sedih, marah dan gembira

Jadual 6 Contoh percampuran bahasa yang dipengaruhi oleh penggantian warna emosi.

Emosi	Contoh Ayat
Sedih	“Aku tak tahu why this thing harus terjadi, saat ni, im so sad”
Marah	“Ok aku yang salah, fine! You all sukalah sekarang right?”
Gembira	“Yeayyy sukanya, im so happy! Next week my hubby ajak pergi Langkawi for holiday!”

mendorong kepada percampuran bahasa yang diungkapkan tanpa disedari. Berdasarkan contoh wacana yang diteliti dalam Facebook para responden, perkataan dalam bahasa Inggeris dilihat berperanan sebagai penegasan kepada keadaan emosi sebenarnya pada ketika itu.

Berdasarkan data yang diperoleh dalam Jadual 6, “*why this thing*” dan “*I’m so sad*” dalam emosi sedih mewakili penegasan kepada emosi sebenar individu tersebut pada ketika itu. Beliau mahu menggambarkan keadaannya yang sedih dengan memberikan penekanan kepada kata soal (*why*) dan mengakhiri ayatnya dengan menyatakan kesedihannya (*I’m so sad*) dalam bahasa Inggeris. Maka, dalam contoh tersebut, “*why this thing*” merupakan penegasan dalam menggambarkan keadaan emosinya yang sangat tertekan, seterusnya beliau menzahirkannya dengan luahan “im so sad” yang mewakili perasaan sebenarnya pada waktu itu.

Penegasan bagi perasaan marah ialah dengan penekanan kepada perkataan *fine* dan *right* yang turut bertindak sebagai kata seru. Perkataan tersebut digunakan oleh individu tersebut bagi meluahkan rasa marahnya. Hakikatnya, walaupun kedua-dua perkataan tersebut tidak memberi maksud yang negatif, namun kedua-dua perkataan tersebut berfungsi sebagai kata seru yang berbaur unsur sindiran. *Fine* kalau diujarkan dalam bahasa Melayu akan membawa maksud “*baiklah*”, namun *fine* dalam konteks ini dikonotasikan kepada perasaan putus asa dan marah. Begitu juga dengan perkataan *right* yang bererti “*elok*”, “*betul*”, dan benar” dalam bahasa Melayu, namun dalam konteks ayat tersebut, *right* membawa

maksud “kan” (kependekan kepada “bukan”) yang berfungsi sebagai kata penegas yang menunjukkan perasaan marah.

Perasaan gembira pula diluahkan dengan frasa “*I’m so happy*” dalam bahasa Inggeris dengan disusuli frasa “*next week my hubby*” dan frasa kerja “*for holiday*”. Semua frasa tersebut mewakili perasaan sebenar penulis ketika itu dengan memberi penegasan kepada alasan yang menggembirakannya, dan penegasan tersebut diluahkan dalam bahasa Inggeris yang bertujuan untuk menarik perhatian orang lain kerana individu tersebut percaya bahawa ungkapan tersebut mampu mencerminkan perasaan sebenarnya dengan lebih berkesan.

Menurut Hoffman (1991:116), penegasan mengenai sesuatu berlaku apabila seseorang yang sedang menggunakan bahasa yang bukan bahasa ibundanya ingin menegaskan mengenai sesuatu perkara, dan keadaan tersebut sama ada berlaku secara sengaja atau tidak sengaja. Oleh itu, cara penyampaian yang memerlukan pinjaman bahasa lain sebagai unsur penegasan dipercayai mampu membantu seseorang individu dalam menyampaikan perasaannya dengan lebih efektif, walhal bahasa tersebut sungguh cacu merba sifatnya.

Meningkatkan Penguasaan Bahasa Inggeris

Faktor penggunaan bahasa Inggeris yang berlaku dalam bahasa Melayu seringkali dikaitkan dengan alasan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Lazimnya, fungsi percampuran bahasa sebegini sering dilakukan oleh para pelajar sekolah dan mahasiswa universiti kerana golongan tersebut masih berada dalam peringkat pembelajaran yang sentiasa menggalakkan mereka mencuba perkara baharu. Mereka percaya bahawa mempraktikkan bahasa Inggeris dalam komunikasi harian merupakan kaedah yang terbaik untuk menguasai bahasa tersebut. Memang tidak salah untuk mempraktikkan bahasa Inggeris dalam komunikasi, namun percampuran dua kod linguistik dalam satu ayat jelas sekali tidak membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, sebaliknya mewujudkan bahasa yang bersifat cacamarba.

Hasilnya, lahirlah B1 bukan B2 pun bukan, namun yang menjadi mangsa ialah B1 lantaran fungsinya sebagai bahasa ibunda telah tercemar dengan bahasa asing. Oleh itu, demi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, bahasa Melayu menjadi mangsa yang terpaksa mengorbankan keharmonian tatabahasanya. Kecenderungan ini membuktikan bahawa

pengaruh bahasa Inggeris telah mengatasi pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Hakikatnya, bahasa apa sekalipun dalam dunia ini pasti tidak merelakan percampuran struktur dan tatabahasa dalam bahasanya. Begitu juga halnya dengan bahasa Melayu. Mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris adalah tidak salah, bahkan usaha itu amat digalakkan lantaran pentingnya menguasai bahasa Inggeris yang bersifat antarabangsa.

Namun, pembelajaran bahasa Inggeris harus berlangsung dalam wacana yang berlangsung dalam bahasa Melayu. Justeru, tanggapan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu mampu membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris adalah kurang tepat. Maka, tidak hairanlah jika pengguna bahasa Melayu masih lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu sendiri. Seharusnya, pembelajaran bahasa Inggeris perlu dikendalikan dalam struktur bahasa Inggeris itu sendiri.

IMPLIKASI PERCAMPURAN BAHASA TERHADAP JATI DIRI KAUM MELAYU

Pada hakikatnya, pengguna bahasa Melayu yang menulis dalam laman sosial, khususnya Facebook menunjukkan sifat cintakan bahasa Melayu, namun komitmen yang diberikan terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul adalah tidak secara bersungguh-sungguh. Walaupun amalan percampuran bahasa didasari oleh pelbagai alasan dan sebab musabab yang tersendiri, amalan ini tidak boleh menjadi kebanggaan lantaran fenomena percampuran sebegini jelas sekali melambangkan tamadun bangsa yang tidak maju, sementelah mencemarkan bahasa Melayu sendiri. Memang tidak dinafikan bahawa tidak ada sekatan dalam pertuturan, kerana bentuk pertuturan merupakan hak linguistik masing-masing. Namun begitu, kepentingan dan fungsi bahasa ibunda perlu diambil kira dalam berkomunikasi.

Faktor percampuran bahasa yang diperoleh dalam dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa wujudnya persaingan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam kalangan kaum Melayu masa kini. Ekoran itu, dominasi penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan kaum Melayu telah meninggalkan implikasi yang besar terhadap bahasa Melayu, padahal bahasa Melayu mampu menjadi wahana komunikasi dalam dunia globalisasi, selain menjadi wahana budaya dan tamadun moden yang

tidak berpaksikan kepada sains dan teknologi sahaja (Teo Kok Seong, 2009:115).

Gejala percampuran bahasa bukanlah satu amalan yang perlu dibanggakan, bahkan amalan ini menunjukkan kelemahan bangsa berkenaan. Mereka yang menukar-nukar dan mencampurkan bahasanya sudah tentulah tidak mahir menggunakan kedua-dua bahasa. Selain itu, sikap ini memperlihatkan konflik jati diri. Hakikatnya, kepentingan bahasa Inggeris tidak dinafikan dalam konteks negara maju, namun dalam masa yang sama kepentingan dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, sekali gus bahasa rasmi negara juga harus dijaga.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan mesej yang disampaikan oleh Radolfo Jacobson, (1935:188) bahawa penukaran kod yang lahir daripada etnik Melayu merupakan perbuatan yang tidak wajar sama sekali kerana tidak seperti etnik lain, orang Melayu tidak mempunyai keperluan untuk menegaskan jati diri etniknya. Maka, penggunaan dan pengamalan bahasa Inggeris yang berlebih-lebihan dan diselitkan secara sengaja dalam komunikasi harian adalah perkara yang tidak relevan khususnya dalam konteks orang Melayu sendiri.

Menurut Jyh Wee Sew (1996: 855), minda bangsa yang masih begitu berbangga dengan bahasa asing, misalnya bahasa Inggeris merupakan satu bentuk penjajahan. Maka, jelas di sini bahawa bentuk penjajahan yang sebegini semakin lama semakin membelenggu masyarakat Malaysia, khususnya orang Melayu. Persoalan tersebut turut disentuh oleh Awang Sariyan (2004:20) melalui kenyataan beliau bahawa:

Saya kira orang kita memang ada satu masalah -tidak yakin diri dan masalah berjiwa kecil. Bahasa berkaitan dengan jati diri. Kalau kita tidak ada jati diri, kita memang masih boleh maju dalam bidang ekonomi tetapi tidak dapat atau sukar dikenal orang apakah bangsanya kita ini. Orang Jepun, orang Perancis, orang Jerman, orang Korea, orang Sweden, dan banyak lagi yang lain maju juga tetapi tidak pula mereka berasa rendah diri apabila mereka mengutamakan bahasa mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu, perasaan rendah diri terhadap bahasa sendiri merupakan faktor utama yang mendorong kepada penggunaan bahasa asing. Namun, konteks “rendah diri” ini tidak relevan dalam bahasa Melayu kerana bahasa Melayu bukanlah bahasa yang mundur. Bahkan

bahasa Melayu kini terbukti mampu mengungkapkan semua istilah ilmu yang setaraf dengan bahasa ilmu dunia. Jadi, persoalan rendah diri ini bukanlah berpunca daripada kemunduran bahasa Melayu, melainkan berpunca daripada faktor dalaman pengguna bahasa Melayu sendiri yang tidak yakin akan kemampuan bahasa Melayu.

Bahasa memerlukan penutur, maka lemah atau majunya bahasa bukanlah ditentukan oleh keadaan luaran sesuatu bahasa, bahkan ditentukan oleh faktor dalaman penutur bahasa itu sendiri. Pemikiran ini menggambarkan kelemahan jati diri bangsa penutur tersebut kerana bahasa merupakan salah satu ciri unik yang menjadi lambang pembentukan bangsa. Menurut Abdullah Hassan (2009: 62), jati diri sesebuah bangsa merujuk ciri-ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa kekitaan individu dalam kumpulan itu. Keperluan utama dalam mendefinisikan sesebuah bangsa ialah berkongsi ciri yang sama, dan ciri tersebut hendaklah dapat membezakan sesebuah bangsa daripada bangsa yang lain. Menurut Noresah Baharom (2009:29) pula, punca kecelaruan ini merupakan faktor dalaman, iaitu orang Melayu sendiri semakin lama semakin tidak berfikir atau tidak lagi pandai berfikir dalam bahasanya sendiri.

Hilangnya bahasa bermakna hilanglah jati diri Melayu dalam diri orang Melayu. Untuk mengekalkan jati diri yang dipegang selama ini, seharusnya orang Melayu menjadi tuan kepada bahasa sendiri.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti keupayaan bahasa Melayu dalam komunikasi yang dikendalikan dalam laman sosial Facebook, dan meninjau implikasi bahasa Inggeris terhadap jati diri kaum Melayu. Kajian ini dilakukan terhadap bahasa pengguna Facebook yang berumur 16 tahun dan ke atas yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Seterusnya, aspek yang difokuskan dalam kajian ini ialah sikap dan pandangan pengguna bahasa Melayu terhadap gejala percampuran bahasa.

Hasil maklum balas responden terhadap amalan percampuran bahasa menunjukkan majoriti responden mengaku mencampurkan bahasa, bergantung pada keadaan dan situasi. Antara faktor yang menyumbang kepada percampuran bahasa termasuklah faktor kelaziman dalam pertuturan sehari-hari, ekonomi Bahasa, sikap menunjuk-nunjuk, nilai makna, penggantian warna emosi, dan juga untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Kewujudan bahasa yang bercampur aduk memberikan impak yang besar kepada bahasa Melayu. Sebagai medium komunikasi tulisan yang bersifat sejagat dan mudah dicapai menerusi internet, maka bahasa yang dikendalikan dalam bentuk tulisan mampu menjadi cerminan kepada bangsa dan negara luar dalam menilai maju mundurnya sesebuah bangsa. Implikasinya, kaum bukan Melayu dan masyarakat luar negara sentiasa didedahkan dengan kecelaruan linguistik sebegini. Selain mencemarkan martabat bahasa Melayu, sudah pasti gejala sekerat Melayu sekerat Inggeris ini akan mencemarkan jati diri pengguna bahasa Melayu di Malaysia. Natiujahnya, orang Melayu akan dianggap sebagai golongan yang mengalami “krisis identiti”.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, “Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi” dlm. *Kemanusiaan* 16, hlm. 59-81, 2009.
- Alwasilah, A. Chaedar, 1993. *Pengantar Sosiologi Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- Amat Juhari Moain, 2009. *Sosiolinguistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Appel, R., dan Muysken, P. 1990. *Language Contact and Bilingualism*. New York: Routledge, Chapman and Hall, Inc.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2000. *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bokamba, “Code-Mixing, Language Variation, and Linguistic Theory” dlm. *Lingua*, 76:1, hlm. 21-62, 1988.
- Awang Sariyan, 2004. “Sekitar Isu ‘Bahasa Rojak’: Punca, Kesan, dan Kaedah Menanganinya”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hoffman, C, 1991. *Introduction to Bilingualism*. New York: Longman.
- Jacobson, Rodolfo, “Penyampaian Mesej yang Lebih Luas melalui Wacana Dwibahasa; Kajian Kontrastif dalam Penukaran Kod” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39:5, hlm. 388-403, 1995.
- Jyh Wee Sew, 1996. “Hakisan Bahasa di Malaysia”: dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:9, hlm. 855-60, 1996.
- Kamus Dewan*, 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani, “Percampuran Kod dan Konsepnya” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43:3, hlm.196-204, 1999.
- Noresah Baharom. “Bahasa Bukan Sekadar Sistem Linguistik” dlm. *Dewan*


- Masyarakat*, 47:5, hlm. 27 – 29, 2009.
- Teo Kok Seong. “Penukaran Kod dan Bahasa: Satu Fenomena Kedwibahasaan” dlm. *Pelita Bahasa* , 8:5, hlm. 41-43.
- Teo Kok Seong, 2006, “Kerancuan dalam Bahasa Melayu” dlm. *Jurnal Bahasa*, 6:4, hlm. 697-712, 2006.
- Teo Kok Seong, “Bahasa Melayu dan Komunikasi dalam Dunia Globalisasi: Persoalan Keupayaan Bahasa Melayu, Keutuhan Jati Diri Bangsa Melayu dan Ketakatan Budaya Melayu” dlm. *Jurnal Bahasa* 9:1, hlm. 100-17, 1999.
- Woolford, E., “Bilingual Code-Switching and Syntactic Theory”: dlm. *Linguistic Inquiry* 14, hlm.520-36, 1983.

LAMPIRAN A**Taburan Faktor yang Menggalakkan Percampuran Bahasa**

Bil.	Faktor-faktor yang Menggalakkan Percampuran Bahasa
1.	Tiada sebab
2.	Saja-saja
3.	Mengikut mood
4.	Bergantung pada situasi
5.	Bahasa Inggeris mudah dan ringkas
6.	Istilah dalam bahasa Inggeris mampu mengungkapkan mesej yang ingin disampaikan dengan tepat dan berkesan
7.	Meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris
8.	Sudah menjadi kebiasaan dalam berkomunikasi
9.	Bahasa Inggeris lebih menarik dan santai
10.	Tidak salah untuk melakukan percampuran bahasa dalam komunikasi
11.	Tidak mahu dilihat skema
12.	Lemah penguasaan bahasa Inggeris
13.	Lebih selesa mencampurkan bahasa dalam komunikasi

LAMPIRAN B

Faktor Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Responden



Faktor Penggunaan Bahasa Inggeris	Bilangan (n)=70	Peratus (%)
Bangga menggunakan bahasa Inggeris	6	9
Bahasa Inggeris membuat diri lebih yakin	13	19
Sesetengah perkataan dalam bahasa Inggeris sudah sehati dalam diri	46	66
Perkataan dalam bahasa Inggeris lebih mudah, ringkas dan praktikal	21	30
Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Melayu yang janggal untuk digunakan	23	33